

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
INSTITUT OSEANOGRAFI DAN SEKITARAN**

KOD ETIKA MAKMAL INOS

Kod etika makmal ini adalah panduan bagi setiap kakitangan untuk menjalankan tugas mereka dengan profesional dalam mewujudkan kepercayaan dan keyakinan kepada sesiapa jua yang memerlukan perkhidmatan di Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS).

Kakitangan Makmal INOS mestilah:

1. Sentiasa jujur, objektif dan tekun dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka, dan hanya menerima dan menyelesaikan tugas tersebut dengan cekap dan profesional.
2. Sentiasa taat setia dalam semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Makmal INOS dan pelanggan, dan tidak secara sengaja menjadi pihak yang terlibat dengan sebarang aktiviti haram atau tidak wajar.
3. Mengekalkan sifat berkecuali dan mementingkan hak kesaksamaan (impartiality) dalam semua aspek dan mengelakkan diri daripada terlibat atau mendedahkan diri dalam mana-mana aktiviti yang boleh menjadi konflik berkepentingan yang bertentangan dengan fokus Makmal INOS atau yang boleh dianggap menjejaskan pertimbangan profesional mereka dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.
4. Bertanggungjawab menjaga kerahsiaan (confidentiality) semua aktiviti Makmal INOS serta butiran maklumat pelanggan dan tidak boleh menggunakan maklumat sedemikian untuk mencapai keuntungan peribadi, atau dengan cara yang bertentangan dengan undang-undang yang boleh merosakkan nama Makmal INOS.
5. Memupuk sikap akauntabiliti dengan bertanggungjawab ke atas semua hasil kerja atau analisa yang telah dilaksanakan kepada pengurusan kualiti Makmal INOS.

Pengisytiharaan Kakitangan:

Saya sesungguhnya faham dan akan mematuhi kod etika Makmal INOS di atas.

(Tandatangan Pegawai)

(Jawatan Pegawai)

Disahkan oleh:

(Tandatangan dan Cop Rasmi Jawatan)